

Media : Sinar Harian  
Date : 24 Mar 2019

# Ajinomoto Vietnam atasi masalah nutrisi

Syarikat ini laksana perubahan besar terhadap hidangan sekolah

**H**IDANGAN sekolah dianggap sangat penting untuk kesihatan para pelajar. Bagaimanapun, di Vietnam hidangan itu dianggap tidak seimbang dari segi nutrisi ekoran ketiadaan pakar yang boleh menetapkan menu dengan betul.

Justeru itu, Ajinomoto Vietnam telah melaksanakan satu projek untuk membekalkan menu kepada sekolah khususnya kepada kanak-kanak yang kekurangan nutrisi.

Timbalan Pengurus Besar Semasa, Bahagian Produk Makanan, Ajinomoto Co, Hiroharu Motchashi berkata, perubahan besar diperlukan dalam hidangan sekolah di negara itu.

"Hidangan sekolah di sana kekurangan dari segi keseimbangan nutrisi. Kami dapati mereka tidak berupaya menikmati mikronutrien yang mencukupi.

"Harus diingat bahawa lipid, karbohidrat dan protein dalam makanan mestilah seimbang, kadarnya juga kena tepat untuk kanak-kanak," katanya.

Menurutnya lagi, hidangan makan tengah hari yang seimbang dan berkhasiat amat diperlukan untuk tumbesaran kanak-kanak.



KANAK-KANAK didedahkan dengan carta pemakanan seimbang di sekolah-sekolah di Vietnam.

"Hidangan sekolah boleh membantu menggalakkan gaya hidup sihat dan memberi kecerdasan dalam sesi pembelajaran," katanya.

Ajinomoto Co di Jepun ialah syarikat

Induk Ajinomoto Vietnam yang mempunyai sejarah panjang dalam perniagaan makanan.

Ajinomoto Co juga mempunyai hubungan yang baik dengan pakar diet.